



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH

PENGITIRAFAN EMAS SANTUARI KELAH TASIK KENYIR DI MTCGA 2021

PETALING JAYA, 9 Disember 2021 – Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) mendapat pengiktirafan dalam *Malaysia Tourism Council Gold Awards 2021* (MTCGA2021) yang dianjurkan oleh Majlis Pelancongan Malaysia bertempat di New World Hotel, Selangor.

Santuari Kelah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu telah dinobatkan sebagai “Best Eco Tourism Initiative” dalam majlis berkenaan. Santuari Kelah pada asalnya dibangunkan bertujuan untuk memulihara dan menggalakkan pembiakan ikan kelah liar di habitat semula jadi serta sebagai salah satu produk pelancongan di Negeri Terengganu.

Tasik Kenyir sememangnya terkenal dengan kekayaan sumber akuatik dengan kepelbagaiannya spesis ikan sungai dan ikan kelah merupakan tumpuan utama bagi kaki pancing yang berkunjung ke Tasik Kenyir.

Menyedari kepentingan untuk mengekalkan spesis ikan asal Tasik Kenyir ini, KETENGAH memulakan inisiatif menjalankan projek pemuliharaan pada tahun 2006 dan menjinakkan ikan kelah liar untuk dijadikan salah satu produk tarikan pelancongan yang utama di Tasik Kenyir.

Pembangunan Santuari Kelah turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Terengganu dalam memastikan produk pelancongan ini terus berdaya saing dan berupaya untuk dimajukan kepada tahap yang lebih membanggakan.

Pengurus Besar KETENGAH, YM Tengku Ahmad Nadzri bin Tengku Musa berkata kejayaan ini merupakan hasil kerjasama dan usaha daripada KETENGAH, Kerajaan Negeri Terengganu dan penggiat pelancongan terutamanya Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir dalam mempromosikan Tasik Kenyir sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terulung di Malaysia.

Kejayaan pelancongan Terengganu dalam meraih anugerah ini memberikan inspirasi kepada semua pihak terutamanya agensi dan pemain pelancongan dalam menjadikan Negeri Terengganu khususnya Tasik Kenyir sebagai destinasi wajib dikunjungi pelancong.

-Tamat-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

#LuarBandarSejahtera

#RuralTourism

#TourismTerengganu

**YM TENGKU AHMAD NADZRI
BIN TENGKU MUSA
PENGURUS BESAR KETENGAH
9 DISEMBER 2021**

